

11 MAR 1996

Julius - Balak

PAPUA NEW GUINEA AKAN CUBA ATASI MASALAH PENGUSAHA BALAK MALAYSIA

Oleh: Ali Mamat

PORT MORESBY, 11 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Papua New Guinea Sir Julius Chan member jaminan kepada pengusaha balak Malaysia beroperasi di pulau Pasifik Selatan ini beliau akan cuba mengatasi masalah berhubung dengan levi tinggi yang dikenakan bagi bagi eksport balak.

Beliau berpendapat bahawa sesetengah daripada masalah yang dihadapi oleh pengusaha balak Malaysia dan pelabur lain mungkin disebabkan oleh dasar Papua New Guinea yang tidak selari dengan iklim pelaburan yang sihat dan menguntungkan.

Sir Julius memberi jaminan itu kepada Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik yang mengunjungi beliau pada hari kedua lawatannya ke Papua New Guinea.

Dr Lim berkata, Sir Julius sebenarnya berharap lebih banyak pelabur Malaysia datang ke sini dan melabur, bukan saha dalam sekror pembalakan tetapi juga dalam penanaman kelapa sawit dan getah serta industri pelancongan.

+Perdana Menteri berpendapat bahawa negara itu perlu memajukan sektor pelancongannya dan untuk itu, beberapa hotel bertaraf lima bintang diperlukan segera termasuk dua di bandaraya ini," kata Dr Lim.

Pengusaha balak Malaysia berpendapat bahawa levi itu, sehingga 70 peratus, di bawah struktur baru cukai Papua New Guinea yang diperkenalkan November lepas tidak memberi ruang kepada mereka dan menjejaskan operasi.

Sesetengah pengusaha balak itu semasa berdialog dengan Dr Lim thari ini menyuarakan kebimbangan terhadap kemungkinan mereka terpaksa menghentikan operasi dan meninggalkan negara itu walaupun telah banyak membuat pelaburan dalam sektor berkenaan.

Mereka mendakwa bahawa levi tinggi dan kenaikan cukai lain berpunca daripada syarat 27 perkara yang dikenakan oleh Bank Dunia sebelum ia memberiapa-apa pinjaman kepada Papua New Guinea.

Satu daripadanya yang paling menjejaskan industri balak ialah kod etika pembalakan termasuk keperluan menaikkan levi eksport.

Dr Lim berkata Sir Julius telah menegaskan bahawa Bank Dunia boleh mengemukakan pelbagai syarat "tetapi terpulang kepada kami untuk memutuskannya."

Dr Lim berkata, berikutan jaminan ini, beliau meminta semua pelabur Malaysia di sini menyediakan memorandum tentang masalah dan cadangan untuk dikemukakan kepada Sir Julius dan menteri-menteri berkenaan sebelum Perdana Menteri itu melawat Kuala Lumpur awal bulan depan.

"Jika masalah itu tidak diselesaikan menjelang lawatan beliau, maka kita perlu membangkitkannya lagi melalui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata beliau.

Katanya, Sir Julius juga memberi jaminan bahawa Papua New Guinea akan menyediakan kemudahan kepada pelabur Malaysia yang berminat memajukan industri peancongan dan sektor pertanian.

Semasa dialog dengan pengusaha balak hari ini, Dr Lim mencadangkan supaya Persatuan Industri Perhutanan (FIA) Papua New Guinea bergabung dengan Pertubuhan Kayu Balak Tropika Asia Pasifik (ATTO) bagi mengatasi masalah struktur cukai yang tidak sama rata, dan jika perlu menghentikan operasi buat sementara supaya negara itu berfikir dua kali dan mengkaji dasar itu.

Majoriti anggota FIA ialah pengusaha balak Malaysia yang menguasai hampir 80 peratus daripada jumlah pengeluaran balak di negara itu. --

BERNAMA  
AM LDB FAZ